

Mempertajam Pemahaman Pelajar Melalui Video

Sarimah Ahmad

Ngee Ann Secondary; dan
Pusat Bahasa Melayu Singapura

ABSTRAK

Keratan frasa dan potongan ayat yang divedok bulat-bulat daripada petikan karangan sering menjadi tabiat buruk para pelajar ketika menjawab soalan kefahaman subjektif. Kertas ini akan membentangkan strategi pengajaran yang dijalankan di Sekolah Menengah Ngee Ann dalam menggalakkan para pelajar menengah satu untuk menjawab soalan-soalan kefahaman dengan menggunakan ayat-ayat mereka sendiri. Strategi pengajaran ini turut memanfaatkan rangka kerja Pengajaran untuk Pemahaman (TfU) dan Penysoalan Socratic (Socratic Questioning) serta pedagogi yang menggunakan klip video ringkas sebagai konteks. Secara tidak langsung, pasukan pengkaji berusaha untuk memperhalusi kemahiran dan kecenderungan yang sedia ada dalam diri para pelajar selaku pribumi digital agar dapat diterima pakai dalam konteks akademik dan formal. Dapatan kajian amat berguna dalam mempersiapkan dan memperlengkapkan para pelajar dengan set kemahiran tertentu memandangkan komponen kefahaman subjektif membentuk peratusan yang signifikan dalam kertas peperiksaan yang bakal diduduki para pelajar.

KATA KUNCI

Pengajaran untuk Pemahaman, Penysoalan Socratic

PENGENALAN

Berdasarkan format dan pengisian kertas peperiksaan peringkat nasional, arahan yang tercatat dalam komponen kefahaman subjektif meminta para calon untuk menjawab soalan-soalan yang diberi dengan menggunakan ayat-ayat mereka sendiri, seberapa boleh. Setiap ayat yang dibina oleh para pelajar sendiri menjadi penanda akan kebolehan mereka dalam mengenal pasti rumus-rumus tatabahasa, memproses maklumat yang dibaca dan memparafrasakannya untuk menjadi ayat-ayat yang gramatis. Namun, para pelajar sering mencedok keratan frasa dan potongan ayat secara bulat-bulat daripada petikan karangan ketika menjawab soalan kefahaman subjektif. Demi menangani tabiat buruk ini, para guru perlu mengajukan strategi pengajaran yang relevan, bermakna dan berkesan.

Justeru, kertas ini akan membentangkan strategi pengajaran yang memanfaatkan rangka kerja Pengajaran untuk Pemahaman (TfU) dan Penysoalan Socratic (Socratic Questioning, SQ) serta pedagogi yang menggunakan klip video ringkas sebagai [kon]teks. Secara tidak langsung, pasukan pengkaji berusaha untuk memperhalusi kemahiran dan kecenderungan yang sedia ada dalam diri para pelajar selaku pribumi digital agar dapat diterima pakai dalam konteks akademik dan formal. Dapatan kajian amat berguna dalam mempersiapkan dan memperlengkapkan para pelajar dengan set kemahiran tertentu memandangkan komponen kefahaman subjektif

membentuk peratusan yang signifikan dalam kertas peperiksaan yang bakal diduduki para pelajar.

TUJUAN KAJIAN

Tujuan kajian ini adalah untuk:


- a) mengukur keberkesanan penggunaan video dalam meningkatkan pemahaman para pelajar terhadap sesebuah [kon]teks berdasarkan rangka kerja TfU dan SQ
- b) membandingkan hasil kerja para pelajar merentas aliran; dan
- c) membandingkan kemudahan menerima para pelajar merentas aliran mengenai strategi pengajaran yang dijalankan.

PERMASALAHAN

Komponen kefahaman subjektif dalam kertas peperiksaan boleh dianggap sebagai komponen yang amat mencabar bagi sebilangan besar pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Ngee Ann. Dengan mengambil jalan mudah, ramai pelajar yang mengutip dan menambakkan ayat-ayat yang terdapat dalam teks langsung ke kertas/ruang jawapan mereka. Tanpa membina ayat-ayat mereka sendiri, pelajar-pelajar sekadar memberikan jawapan yang sedia ada, literal dan acap kali, berada di tahap permukaan sahaja. Masalah ini semakin runcing apabila mereka diminta untuk menjawab soalan-soalan yang memerlukan kemahiran kognitif yang lebih tinggi *ala* soalan-soalan analisis, inferens dan sintesis. Biasanya, mereka terkial-kial dan terpinga-pinga untuk menjawab soalan-soalan tersebut kerana ketiadaan teks yang boleh dijadikan bahan [penjiplakan] untuk mereka. Justeru, kelemahan para pelajar dalam menjawab soalan-soalan berikut dengan mendalam dan tepat bakal menjejaskan prestasi mereka secara keseluruhan dalam komponen ini.

Pengajaran untuk Pemahaman & Penyoalan Scroratic (TfU & SQ)

Memastikan setiap pelajar memahami apa yang telah dipelajari merupakan antara tujuan pendidikan yang paling hebat dan pada masa yang sama, yang paling sukar untuk dicapai. Konsep pemahaman itu sendiri menampilkan pelbagai persoalan yang kompleks bagi para pendidik dan pengkaji: apakah maksudnya jika seseorang telah memahami sesuatu? Bagaimanakah para pelajar membina daya pemahaman mereka? Apakah yang wajar difahami mereka? Bagaimanakah kita, selaku guru, boleh mengesah dan menilai pemahaman pelajar-pelajar dengan berkesan?



Rajah 1: Rangka Kerja Pengajaran untuk Pemahaman (TfU)

Topik yang memayungi pengajaran yang dikendalikan adalah “Hidup di Negara Berbilang Budaya”. Video yang dijadikan [kon]teks dan **topik generatif** pula mengandungi mesej yang berkaitan dengan topik besar tersebut. Malah, video yang dipetik daripada sebuah program terbitan Disney Channel itu relevan, menarik dan mudah diakses oleh para guru dan pelajar. Malah, terdapat pelbagai perkara yang dapat diperbual dan diperkatakan tentang video berkenaan. Oleh itu, topik generatif menjadi pusat yang menentukan nada dan hala tuju pengajaran dan pembelajaran (Blythe et.al, 1998). Guru memainkan peranan penting dalam menyama-tarafka **matlamat pemahaman** dengan soalan-soalan kefahaman subjektif yang bakal menguji daya pemahaman mereka. Umpamanya, para pelajar boleh diminta untuk memberikan dua pengajaran yang telah mereka raih daripada video yang ditonton. Ini dapat diubah suaikan untuk membentuk salah sebuah soalan bagi komponen kefahaman subjektif. Rancangan pelajaran guru turut mengambil kira aspek persembahan pemahaman pelajar dalam menilai keberkesanan strategi yang telah diimplementasikan. **Persembahan pemahaman** pelajar termasuk kebolehan mereka untuk merentas cipta, membuat pembentangan dan memberi ulasan tentang video yang ditonton. **Penilaian berterusan** pula dapat dikendalikan secara sumatif mahupun formatif, yakni melalui ujian/peperiksaan atau penilaian rakan sebaya, komen guru, rubrik dan lain-lain lagi.

Penyoalan Socratic (SQ) merupakan strategi penyoalan secara berdisiplin yang berpotensi untuk meneroka pemikiran dan pemahaman seseorang dengan lebih meluas dan mendalam (Paul & Elder, 2006). Perbezaan yang ketara

dalam kaedah SQ dengan teknik penyoalan konvensional adalah ciri-cirinya yang berdisiplin, teratur dan mendalam. Malah, kaedah SQ sering mengajak para pelajar untuk bersikap reflektif dengan meletakkan diri mereka sendiri ke dalam keadaan atau senario yang sedang dibincangkan. Malah, Cox dan Griffith (2007) menyatakan bahawa para pelajar wajar ditanyakan soalan-soalan yang dapat:

- 1) **menjelaskan pemikiran dan pemahaman mereka** – contoh: *Mengapa kamu berkata sedemikian? Bolehkah kamu terangkan dengan lebih lanjut?*
- 2) **mencabar andaian-andaian yang diterima pakai** – contoh: *Benarkah perkara ini selalu berlaku? Mengapakah andaian itu boleh diterima dalam konteks ini?*
- 3) **memberi bukti sebagai asas hujahan** – contoh: *Berikan bukti untuk menyokong dakwaan kamu. Berikan sebab mengapa kamu menolak pandangan itu.*
- 4) **memberi pandangan yang berbeza dan pelbagai** – contoh: *Bolehkah kamu mencelah pandangan-pandangan yang diberi?*
- 5) **menerangkan implikasi dan akibat** – contoh: *Apakah yang boleh terjadi jika perkara itu berlaku?*
- 6) **menyoal soalan yang diberi** – contoh: *Mengapakah soalan ini dibina sebegini? Mengapakah soalan ini penting?*

Berdasarkan saranan yang dipertengahan SQ, para pelajar telah didedahkan kepada soalan-soalan yang mencabar namun, tetap relevan dengan cara penyoalan yang bakal mereka hadapi ketika menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif dalam kertas peperiksaan.

KAJIAN LITERATUR

Strategi pengajaran ini menggembeng tiga konsep dan pendekatan iaitu, TfU, SQ dan penerapan video dalam pedagogi guru. Dengan menyatukan TfU dan SQ, Jeffries (2003) menyatakan bahawa pemahaman seseorang pelajar boleh dibangun dan dikembangkan melalui latihan mencipta analogi yang jitu. Ini memerlukan para guru untuk berfikir dengan mendalam akan kerelevanan bahan dan topik yang ingin dibawa masuk ke dalam kelas. Maka, dengan membenarkan para pelajar untuk “make analogies of their own”, guru bukan hanya dapat meningkatkan tahap penglibatan pelajar di dalam kelas, malah juga menyaksikan perkembangan proses pemikiran mereka semasa menjalankan sebarang aktiviti amali mahupun bertulis.

Kajian oleh Peter McDonald yang berjudul *To What Extent Can Defining Graphic/Written Text Relations Support The Teaching of Reading Comprehension in Multi-Modal Texts?* di Universiti Birmingham pada tahun 2009, meneroka kemungkinan penggunaan wadah video dan grafik dalam menyokong pemahaman para pelajar ketika cuba menjawab soalan-soalan kefahaman. Beliau menekankan konsep “new literacies” yang semakin sehati dalam diri para pelajar abad ke-21; yakni kecenderungan mereka dalam merujuk wadah digital seperti video, mesej pesanan ringkas (SMS), Internet dan *podcast* untuk maklumat dan pengetahuan. Justeru, para guru perlu memanfaatkan kekuatan pelajar yang boleh dianggap sebagai pribumi digital dengan menggunakan wadah-wadah teknologi sedia-ada sebagai pelantar untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu.

SUBJEK KAJIAN

Tiga orang guru Bahasa Melayu melaksanakan rancangan pelajaran yang menerapkan rangka kerja TfU, kaedah SQ dan berbekalkan bahan [kon]teks berbentuk video yang dimuat turunkan daripada lalaman www.youtube.com. Subjek kajian terdiri daripada tiga kelas pelajar menengah satu pada tahun 2011. Mereka terdiri daripada para pelajar yang menduduki kursus Bahasa Melayu Lanjutan, Bahasa Melayu Ekspres dan Bahasa Melayu Normal Akademik. Terdapat 19 pelajar dalam kursus Bahasa Melayu Lanjutan, 25 pelajar dalam kursus Bahasa Melayu Ekspres dan 4 pelajar dalam kursus Bahasa Melayu Normal Akademik. Mereka mengikuti kelas Bahasa Melayu sebanyak dua atau tiga kali seminggu, sekurang-kurangnya satu jam setiap sesi. Berdasarkan keputusan Ujian Berterusan 1 (CA1) yang berupa komponen kefahaman subjektif pada penggal pertama, 25% pelajar (12) meraih gred B manakala lebih daripada 10% pelajar (5) yang mendapat gred C untuk komponen kefahaman subjektif. Hanya segelintir pelajar yang mengamalkan bacaan bahan bahasa Melayu secara tekak. Namun, semua pelajar pernah memberi komen atau ulasan mengenai sesebuah video yang pernah mereka tonton di Internet.

INSTRUMEN KAJIAN

Pemerhatian guru-guru terhadap sikap dan etika kerja para pelajar penting dalam menepati tujuan kajian ini. Dalam menilai keberkesanan strategi yang digunakan dalam kelas, guru menilai respons pelajar terhadap aktiviti yang dijalankan dan hasil kerja mereka secara berpasangan dalam menjawab soalan-soalan yang diberi berkenaan video yang ditonton. Dalam meneliti reseptiviti para pelajar terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan, borang maklum balas telah diberikan kepada semua pelajar selepas sesi pelajaran tersebut.

PROSEDUR KAJIAN

Pada permulaan pelajaran, guru memilih dua pelajar untuk ke hadapan. Guru mengarahkan dua pelajar tersebut untuk menulis seberapa banyak perkataan yang berkaitan dengan kata/frasa yang diberi. Perkataan yang diberi adalah (1) durian dan (2) cinta. Para pelajar hanya diberi satu minit untuk melahirkan seberapa banyak perkataan yang berkaitan dengan kekata tadi. Kemudian, guru akan mengulas kesesuaian kekata yang dicatatkan oleh para pelajar. Catatan para pelajar itu akan dibiarkan di papan putih Tujuan aktiviti ini adalah untuk memberikan para pelajar semacam asas kosa kata yang bakal mereka gunakan untuk mengulas sebuah video yang mempunyai tema yang menyatukan perihal durian dan cinta.

Sebelum menayangkan video, para pelajar diminta untuk bersedia untuk melakukan sebuah aktiviti secara berpasangan. Mereka diberikan sekeping sampul surat yang mengandungi beberapa arahan yang diarahkan mengikut ciri-ciri SQ. Arahan ini juga disesuaikan mengikut tahap kebolehan para pelajar yang berasal daripada aliran yang pelbagai. Contoh arahan tersebut termasuk:

- 1) Jika Amirah seekor binatang, binatang apakah yang sesuai dengan perwatakannya? Mengapa?
- 2) Lihat lirik lagu yang dilampirkan. Pilih lima perkataan yang boleh kamu kaitkan dengan perwatakan Kieran. Jelaskan pilihan kamu.

- 3) Lukiskan sebuah simbol yang boleh kamu kaitkan dengan perwatakan Wai Chong. Terangkan.
- 4) Lakonkan dialog kegemaran kamu dalam video tersebut. Mengapakah ia merupakan bahagian kegemaran kamu?

Guru akan cuba memilih seberapa banyak pasangan untuk berkongsi tafsiran mereka akan arahan-arahan yang diberi. Pada tahap ini, guru membenarkan para pelajar untuk mencatat jawapan mereka tanpa memestikannya untuk ditulis dalam ayat yang penuh. Pelajar-pelajar biasanya menampilkan daya kreatif yang kadangkala berada di luar jangkaan rakan sekelas dan juga guru-guru mereka. Tujuan aktiviti ini adalah untuk menilai persembahan pemahaman para pelajar yang dimanifestasikan dalam bentuk yang alternatif dan pelbagai. Seakan kaedah rentas cipta, aktiviti ini membenarkan para pelajar untuk menampakkan pemahaman mereka tentang video yang mereka tonton dalam bentuk yang bukan sahaja lebih santai dan bersahaja, malah lebih mendalam dan kompleks.

Setelah berkongsi dan berbincang, guru akan mengarahkan para pelajar untuk menonton video tersebut untuk kali kedua. Kini, mereka diperlukan untuk menjawab soalan-soalan yang diberikan oleh guru dengan menggunakan ayat yang penuh dan gramatis. Kali ini, soalan-soalan yang diberikan oleh guru diubah suai daripada bentuk arahan yang telah mereka terima pada aktiviti pertama. Soalan-soalannya kini lebih menyerupai soalan-soalan yang bakal mereka hadapi dalam komponen kefahaman subjektif. Contohnya:

- 1) Amirah menjadi gadis idaman ramai pelajar lelaki. Berikan **dua** bukti untuk menyokong pernyataan ini.
- 2) Mengapakah Syed memilih Kieran untuk menguji cuba "nafas duriannya"?
- 3) Wai Chong seorang pengawas yang tegas. Berikan **dua** perbuatannya yang menyokong pernyataan ini.
- 4) Berikan **dua** pengajaran yang telah kamu perolehi daripada video ini.

Para pelajar diberikan sekurang-kurangnya dua soalan bagi setiap pasangan. Mereka dibenarkan untuk merujuk pada kekata yang ada di papan putih dan hasil kerja mereka dalam aktiviti pertama sesi pelajaran ini. Kemudian, guru akan meminta para pelajar untuk menghantarkan hasil kerja mereka untuk disemak dan dinilai.

DAPATAN DAN RUMUSAN KAJIAN

Berdasarkan pemantauan dan pemerhatian guru, para pelajar menampilkan sikap yang positif terhadap menangani soalan-soalan kefahaman berteraskan video. Mereka menunjukkan kesungguhan dan daya kreatif yang sungguh memberangsangkan ketika menjalankan aktiviti pertama. Secara tidak langsung, bahagian pelajaran tersebut telah membenarkan para pelajar untuk memperluas dan memperdalamkan pemahaman mereka tentang video yang ditonton. Dengan mengikuti arahan-arahan yang diberi ala SQ, mereka berpeluang untuk memahami teks (video) yang diberi dengan lebih menyeluruh. Antara contoh-contoh hasil kerja pelajar:

- 1) Arahan: Jika Amirah seekor binatang, binatang apakah yang sesuai dengan perwatakannya? Mengapa?

Respons Pasangan A: "Amirah boleh menjadi seekor angsa. Angsa adalah seekor burung yang anggun, lemah lembut dan sangat disukai oleh ramai orang. Ciri-ciri ini sama dengan ciri-ciri yang dimiliki oleh Amirah."


Kajian ini juga menunjukkan bahawa para pelajar mampu untuk memberikan pandangan dan hujahan dengan menggunakan ayat-ayat mereka sendiri. Malah, mereka juga membuktikan bahawa mereka boleh menjawab soalan-soalan (serupa soalan-soalan kefahaman subjektif dalam kertas peperiksaan) dengan padat dan tepat tanpa perlu merujuk sebarang bentuk teks tercetak. Malah, para guru melahirkan rasa puas hati dengan prestasi para pelajar dalam menjawab soalan-soalan kefahaman yang diberi. Secara keseluruhan, mereka berpendapat bahawa cara dan mutu jawapan para pelajar sudah ditambah baik. Tambahan lagi, para pelajar juga kelihatan lebih yakin dalam menjawab sebarang soalan yang diaju dengan menggunakan ayat-ayat mereka sendiri. Contohnya:

- 1) Soalan: Berikan **dua** pengajaran yang telah kamu perolehi daripada video ini.

Jawapan: "Pertama, cerita ini mengingatkan kami untuk menjaga kebersihan diri kami. Kami perlu memberus gigi kami setelah memakan makanan yang boleh meninggalkan bau yang busuk seperti durian supaya tidak membuat orang lain berasa kurang selesa semasa berbual dengan kami. Kedua, kami mempelajari bahawa setiap perbuatan buruk ada balasannya. Oleh kerana dia telah membuang kulit durian sembarangan, Syed akhirnya menerima padah kerana dia didenda oleh pengawas Wai Chong."

Akhirnya, secara purata, para pelajar menampakkan keterbukaan mereka dalam mengikuti serta sesi-sesi pelajaran sebegini. Berdasarkan borang tindak balas yang diberikan, mereka telah menandakan rasa senang hati mereka terhadap sesi pelajaran yang mereka jalani. Rajah tersebut menunjukkan respons pelajar merentas aliran terhadap:

- (1) pemahaman mereka akan tujuan sesi pelajaran tersebut
- (2) minat mereka akan sesi pelajaran yang dijalankan
- (3) kerelevanan sesi pelajaran tersebut dalam meningkatkan kemahiran menjawab soalan-soala kefahaman subjektif
- (4) kesesuaian sesi pelajaran tersebut bagi para pelajar yang mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza
- (5) keterlibatan mereka dalam sesi pelajaran tersebut
- (6) keseronokan sesi pelajaran tersebut
- (7) manfaat yang diraih daripada sesi pelajaran tersebut



Rajah 2: Maklum Balas Pelajar Mengenai Strategi Pengajaran dan Pembelajaran Kefahaman Berdasarkan Video

Secara keseluruhan, para pelajar memberikan respons yang positif terhadap strategi pengajaran dan pembelajaran ini. Mereka dapat mengesan bahawa strategi sebegini amat berguna bagi mereka dalam menjawab soalan-soalan kefahaman subjektif di kertas peperiksaan kelak. Para pelajar juga bersetuju bahawa kaedah ini amat sesuai dengan cita rasa dan kecenderungan mereka, baik daripada pengisian mahupun wadah yang digunakan untuk menyampaikan pelajaran. Selain itu, mereka juga berpendapat bahawa strategi ini wajar dilanjut, dibudaya dan disarankan sebagai salah satu cara untuk mempertajamkan pemahaman mereka. Ini jelas menunjukkan betapa para pelajar menghargai manfaat yang telah mereka raih daripada sesi pelajaran tersebut.

KESIMPULAN

Antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh para pengkaji merupakan kesesuaian video yang boleh dijadikan teks utama dalam strategi pengajaran dan pembelajaran ini. Para guru telah berbincang dan bersetuju dalam pemilihan video yang digunakan atas dasar ketekalan mutu bahasa yang digunakan, kerelevanan konteks cerita dengan selera remaja dan nilai-nilai moral yang terkandung dalam jalan cerita video tersebut. Selain itu, para pengkaji juga dicabar untuk menyesuaikan arahan-arahan dan soalan-soalan kefahaman yang diberikan kepada para pelajar menurut kebolehan mereka. Memandangkan mereka berasal daripada aliran yang berbeza, guru perlu bijak mengimbang dan menyesuaikan setiap arahan dan soalan mengikut tuntutan rukun SQ dan tahap kesukaran yang ditetapkan untuk peperiksaan tahap nasional. Kajian ini dijalankan atas para pelajar yang mempunyai kemahiran berbahasa yang sederhana. Justeru, dapatan kajian ini mungkin tidak begitu relevan bagi para guru yang ingin menguji cuba kaedah ini untuk para pelajar yang lemah berbahasa Melayu. Walau bagaimanapun, para pengkaji berasa yakin bahawa strategi ini dapat dilaksanakan dengan menggunakan wadah-wadah berbeza seperti *podcast*, *vodcast* dan lain-lain lagi. Malah, para pengkaji menyarankan agar video-video yang menggunakan bahasa-

bahasa asing turut dijadikan sebagai [kon]teks pemahaman dan latihan kefahaman para pelajar. Para pengkaji juga bercadang untuk melanjutkan strategi pengajaran dan pembelajaran ini untuk memperhalusi kemahiran lisan para pelajar bagi projek kajian strategi pengajaran dan pembelajaran seterusnya.

Rujukan

- Blythe, T et.al (1998). *The Teaching for Understanding Guide*. Jossey-Bass: California.
- Cox, C. & Griffith, A. (2007). *Outstanding Teaching*. Allyn and Bacon: New York.
- Jeffries, L. (2003). *Analogy and Multi-Modal Exploration in Teaching Language*. Wiltshire: Sage.
- Lina Tan & Mona Tan. (Producers). & John Hafiz (Director). (2004). *Waktu Rahat: Episod Nafas Durian*. [Siri Televisyen]. Disney Channel Asia: Malaysia.
- McDonald, P. (2009). *To What Extent Can Defining Graphic/Written Text Relations Support Teaching of Reading Comprehension in Multi-Modal Texts?*. University of Birmingham: Birmingham. Tesis Sarjana.
- Paul, R & Elder, L. (2006). *The Art of Socratic Questioning*. Foundation for Critical Thinking: California.